

REFLEKSI KESELURUHAN KURSUS UHMT 1012

Name: Zereen Teo Huey Huey

Subject: UHMT 1012 Graduate Success Attribute

Lecturer Name: Dr. Marlina Ali

Date: 25 January 2021

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Madam Marlina Ali yang telah mengajar saya sepanjang semester 1. Dengan ajaran beliau, saya telah mendapati banyak kemahiran yang sangat berguna untuk sekarang serta masa depan. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli kumpulan saya kerana telah bersama-sama menyiapkan tugas subjek ini. Saya berasa bersyukur kerana mendapat ajaran pensyarah dan bantuan kawan-kawan saya. Sebenarnya banyak masalah yang telah kami hadapi semasa membuat tugas kumpulan. Antara tugas kumpulan yang paling memberikan cabaran kepada saya ialah projek kelas. Hal ini kerana saya tidak pernah menjadi penganjur sebelum ini dan berasa ketegangan semasa perbincangan dengan ahli kumpulan kerana kurang keyakinan untuk memberikan cadangan terutamanya dengan orang yang tidak berkenal. Setelah semua ahli kumpulan memasuki kumpulan Whatsapp, kami telah mengadakan perbincangan dalam memilih jenis program dan temanya. Semua ahli kumpulan telah memberikan cadangan mereka kecuali saya yang kurang bersuara dalam kumpulan tersebut. Hal ini kerana saya tidak dapat mengetahui reaksi mereka melalui raut wajah mereka disebabkan kami bukannya mengadakan perbincangan bersemuka tetapi menggunakan Whatsapp sebagai pelantar kami. Inilah sebab saya berasa tegang kerana saya takut pertuturan saya akan memberikan kesukaran kepada kawan-kawan saya. Namun begitu, suasana yang beramah mesra dalam kumpulan Whatsapp telah menjejaskan pemikiran saya dan saya pun memberikan idea saya supaya dapat memberikan sedikit sumbangan dalam projek ini. Akhirnya, tema dan jenis program telah ditetapkan iaitu mengadakan satu seminar tentang amalan simpan wang.

Selepas menetapkan tema projek kami, pengarah telah membahagikan tugas kepada semua ahli kumpulan. Antara tugas yang diberikan dalam projek kumpulan ini, saya perlu memikul tanggungjawab untuk mencari rakan kolaborasi bagi program ini. Saya telah menghantar emel kepada AKPA dan AIA Malaysia tetapi kesalnya kedua-dua syarikat tersebut tidak memberikan balasan mereka. Semasa saya berasa panik, ahli kumpulan saya telah memberikan bantuan dalam menjemput syarikat Great Eastern untuk menjadi rakan kolaborasi bagi seminar kami yang diadakan pada 15 Januari 2021. Walaupun saya tidak dapat menjemput AKPA dan AIA Malaysia sebagai rakan kolaborasi untuk program kami, saya telah mendapat pengalaman dengan cara menulis emel jemputan yang formal kepada syarikat. Dengan menyertai program ini saya dapat lebih memahami pelbagai jenis pelantar yang boleh mengadakan seminar atas talian seperti Google Meet, Webex dan Zoom kerana ketiga-tiga pelantar ini telah menjadi pilihan untuk program ini. Semua ahli kumpulan telah mengemukakan

kebaikan dan keburukan dengan menggunakan pelantar masing-masing dan mencari penyelesaian sekiranya menghadapi masalah dalam cara beroperasi pelantar. Akhirnya, kami memilih Google Meet sebagai pelantar seminar bagi program “Saving Making Living”. Pada hari pembentangan, kami telah menyertai Google meet sebelum seminar bermula untuk membuat persediaan. Atas kerjasama semua orang termasuk penceramah, projek kami telah dijalankan secara lancar. Walaupun seminar ini telah habis, projek kami perlu diteruskan kerana laporan dan video kesimpulan bagi seminar ini belum siap. Sama dengan sebelum ini, tugas telah dibahagi mengikut jawatan masing-masing. Dengan ini, program kami bagi subjek ini telah habis.

Selain projek kumpulan yang agak memberikan cabaran kepada saya, saya juga berminat dengan topik subjek ini. Sepanjang pengajaran pensyarah, topik yang paling saya berminat ialah topik kemahiran komunikasi. Hal ini kerana ia memberikan kebaikan kepada saya sebagai seorang pelajar yang sering menyediakan pembentangan. Dengan penjelasan yang diberikan oleh pensyarah dengan teliti dan menarik, saya dapat mengetahui cara keseluruhan dari menyediakan pembentangan sehingga membentangkan di hadapan para penonton. Sebagai contoh, sumber pembentangan bukannya semakin panjang semakin baik, kita perlu mengambil kandungan yang penting sahaja dan menulis dalam ayat yang mudah faham. Pensyarah juga menggalakkan kami untuk membayangkan jikalau kami menjadi penonton pembentangan kami, apakah yang ingin kami dengar melalui pembentangan tersebut. Hal ini amat berguna kepada saya kerana semua orang tidak sabar untuk membaca sekiranya nampak perenggan yang panjang dalam pembentangan. Seterusnya pensyarah telah memberikan sedikit maklumat tentang bahasa badan dengan maknanya. Sebelum ini, saya tidak mendapati bahawa pergerakan kecil boleh memberikan banyak informasi tentang seseorang dalam situasi tertentu. Maklumat ini memberikan kemudahan kepada saya semasa bertutur dengan orang yang bersifat introvert kerana mereka kurang memberitahu orang lain tentang pemikiran mereka walaupun orang lain telah menyebabkan kesukaran kepada mereka. Melalui bahasa badan ini, saya dapat mengetahui fikiran mereka dengan memerhati tingkah laku mereka. Sebagai contoh, jikalau saya mendapati seseorang sering melihat jam tangannya semasa bertutur dengan saya, saya akan mengetahui bahawa kemungkinan orang tersebut ingin menghabiskan perbincangan dengan saya, dan seterusnya saya akan tamatkan perbincangan dengan dia supaya tidak memberikan kesukaran kepada orang lain.

Seterusnya, Madam Marlina juga menerangkan kemahiran yang amat memberikan bantuan kepada kami dalam subjek ini. Mengikut penerangan beliau, kemahiran boleh dibahagi kepada 2 bidang utama iaitu kemahiran insaniah dan kemahiran keras. Apa yang saya fahami tentang topik ini ialah kemahiran keras merupakan asas untuk kita mencari rezeki selepas habis pembelajaran kita. Contoh bagi kemahiran keras ialah pengetahuan profesional tentang pekerjaan kita manakala kemahiran insaniah merupakan kemahiran interpersonal atau orang yang tidak dapat dikemukakan melalui penulisan. Kemahiran keras dapat dibuktikan dengan menggunakan satu keping sijil setelah habis pembelajaran kami dalam kursus tertentu tetapi kemahiran insaniah tidak boleh diukur dan memerlukan tempoh masa yang agak panjang untuk diperhatikan oleh orang lain jika berbanding dengan kemahiran keras. Cara pertuturan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah merupakan

beberapa jenis kemahiran insaniah yang amat penting dalam pekerjaan kami kerana ia menentukan kedudukan kami dalam satu syarikat. Bayangkan jika kita tidak mempunyai cara pertuturan yang baik, kita mungkin memberikan imej syarikat yang negatif kepada rakan kolaborasi dan mereka akan tidak memberikan peluang untuk bekerjasama dalam program syarikat kita. Dengan ini, saya dapat lebih memahami perbezaan antara kemahiran keras dan kemahiran insaniah dan berusaha bersungguh-sungguh dalam memantapkan diri sendiri dalam kedua-dua bidang ini terutamanya kemahiran insaniah kerana saya kurang yakin dalam pertuturan saya seperti pernyataan saya sebelum ini.

Sebenarnya, subjek ini menarik saya kerana dapat mengemukakan idea diri dalam pelantar yang disediakan oleh pensyarah seperti Mentimeter dan padlet. Dalam topik kemahiran berfikir, pensyarah telah memperkenalkan dua jenis kemahiran berfikir iaitu kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif. Madam Marlina juga memberikan ujian kepada semua pelajar untuk mengenalpasti proses pemikiran diri. Melalui ujian ini, saya mendapat keputusan yang menyatakan saya seorang yang berfikir krisis. Saya amat setuju dengan keputusan ini kerana saya akan mengatakan sesuatu mengikut kebenaran isu-isu tertentu. Bagi kalangan yang memerlukan kreativiti dan inovasi seperti melukis dan mencipta sesuatu baru, saya agak lemah untuk berbuat begitu. Saya akan menggunakan masa yang sangat panjang dalam membuat pembentangan saya kerana memerlukan masa untuk mencari templat dan bahan reka bentuk. Jika menghadapi sesuatu perkara yang tidak faham, saya akan menyoal orang lain atau mencari maklumat atas talian untuk mengatasinya. Sebagai contoh, sebelum menghadiri kelas ini saya hanya mempunyai sedikit pengetahuan tentang pemikiran kritis dan kreatif, setelah penjelasan pensyarah, saya berasa minat tentang topik ini dan mencari maklumat dalam internet tentang orang yang berfikir kritis biasanya ada apa-apa ciri dan cara untuk menggunakan kekuatan tersebut dalam pembelajaran saya.

Kerjasama adalah sangat penting dalam melaksanakan sesuatu program yang melibatkan sekurang-kurangnya 2 orang sekumpulan. Semakin banyak orang menyertai kumpulan, semakin susah untuk menyiapkan kerja jika tiada ahli kumpulan yang memberikan kerjasama dalam pelaksanaan program. Sebenarnya, saya lebih suka membuat tugas berbanding dengan membuat tugas dalam kumpulan kerana saya perlu sering berbincang dengan ahli kumpulan yang lain untuk mendapat persetujuan untuk meneruskan kerja. Bagi saya, keburukan tugas kumpulan ialah akan menghadapi kesusahan kerana setiap orang mempunyai cadangan sendiri dan perlu memilih satu idea sahaja daripada pilihan-pilihan tersebut serta berlaku pertikaian semasa perbincangan. Sebaliknya, kebaikan melakukan tugas bersama orang lain ialah mempunyai banyak idea untuk memilih dan pertikaian dapat dielakkan jika semua ahli kumpulan memberikan kerjasama. Selain itu, tugas juga dapat dibahagi kepada bahagian yang lebih kecil bagi setiap ahli kumpulan. Dengan ini, tekanan yang dihadapi akan menjadi kurang berbanding dengan semua tugas perlu dipikul oleh individu. Dalam subjek ini, dua tugas kumpulan disediakan iaitu projek kumpulan dan projek idea perniagaan. Projek idea perniagaan terlibat 5 orang dan kumpulan ini agak kecil berbanding dengan kumpulan program. Pensyarah telah memberikan beberapa tema untuk dipilih dan kumpulan saya telah memilih bidang makanan dan pertanian sebagai tema utama. Dalam perbincangan pertama, semua ahli kumpulan memberikan

kerjasama untuk mengemukakan idea sendiri dan saya berasa seronok kerana cadangan saya disetujui oleh kawan-kawan. Selain itu, kami juga menggabungkan cadangan saya dengan ahli kumpulan lain untuk mengeluarkan satu aplikasi yang dapat memeriksa kematangan dan kesegaran produk pertanian. Pembahagian tugas dapat dijalankan secara lancar dengan kepimpinan ketua kumpulan dan kerjasama semua ahli kumpulan. Pengalaman kali ini amat memberikan keyakinan kepada saya kerana semua ahli kumpulan dapat memberikan kepercayaan terhadap satu sama lain.

Bagi topik yang terakhir dalam subjek ini, kebolehsesuaian juga memberikan ruang berfikir kepada saya. Sekiranya kita tidak mempunyai kebolehsesuaian untuk hidup dalam persekitaran yang berbeza, kita tidak dapat mencapai kemajuan dari masa ke masa. Sebelum ini, saya berasa biasanya untuk melanjutkan pelajaran daripada tahun 7 hingga sekarang, tetapi inilah salah satu kemampuan bagi seorang manusia untuk hidup dalam dunia yang seing berubah. Secara fizikalnya, kemampuan dapat dijelaskan dengan menggunakan contoh kehidupan dalam dua musim yang amat berbeza iaitu musim panas dan musim sejuk. Jika manusia hilang kebolehsesuaian terhadap musim tersebut, manusia tidak akan hidup dalam kawasan yang bermusim seperti Jepun disebabkan suhu kedua-dua musim tersebut mempunyai perbezaan yang agak besar. Secara maksud dalaman, kebolehsesuaian dapat dijelaskan melalui tekanan yang kami hadapi. Sebagai contoh, bagi pelajar universiti semester 1, saya amat menghadapi tekanan daripada pembelajaran yang penuh dengan ujian dan tugas. Terdapat juga pelajar yang lemah dalam kebolehsesuaian dan mereka membuat pilihan untuk bunuh diri. Pilihan ini amat menyedihkan semua lapisan masyarakat dan hal ini menjadi isu yang amat serius terutamanya dalam tempoh COVID-19 ini. Walaubagaimanapun saya berasa sangat panik untuk menghadapinya, saya dapat menukarkan tekanan tersebut sebagai tenaga pembelajaran dengan kebolehsesuaian.

Pada awal semester, selain tugas kumpulan, pensyarah telah memberikan tugas individu kepada pelajar untuk membuat satu kerja khusus tentang isu semasa. Isu yang saya pilih adalah tentang haiwan yang terancam dalam negara kita. Banyak maklumat dicari dalam internet supaya dapat menyokong pernyataan saya dalam kerja khusus ini. Selama penyediaan kerja khusus ini, saya amat sedih kerana banyak spesis haiwan yang mengalami kepupusan dan ada yang sudah hilang dari Malaysia. Sebagai contoh ialah Badak Sumbu Sumatera terakhir di Semenanjung Malaysia telah mendapati mayatnya dan disahkan ia adalah dibunuh oleh pemburu haram. Kepupusan spesis akan berlaku secara berterusan sekiranya rakyat Malaysia tidak menyedar ancaman yang dibawa oleh isu ini. Dengan ini, kerajaan dan organisasi swasta telah mengambil tindakan jika mendapati ada orang melarang undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan binatang. Melalui kerja khusus ini, saya dapat lebih memahami tentang isu ini dan cara mengatasi. Hal ini amat penting kepada semua lapisan masyarakat untuk menyedari kesan yang disebabkan oleh isu ini.

Madam Marlina telah menyediakan cara pengajaran yang fleksibel dalam subjek ini. Beliau menggunakan Mentimeter dan padlet untuk mendorong kami menyuarakan idea sendiri. Antaranya, Mentimeter merupakan sistem tindak balas pelajar atas talian dan semua orang dapat melihat idea yang dipilih oleh majoriti penyertai dan juga pilihan yang dipilih oleh minoriti penyertai. Dengan ini, saya dapat mengetahui bukan sahaja saya seorang mempunyai idea tersebut tetapi ada banyak

orang mempunyai idea yang sama. Ada juga pelajar yang memberikan idea yang amat menarik dan berguna selama pembelajaran. Pensyarah juga menggunakan Padlet dengan minta pelajar meletakkan nama dan idea masing-masing. Idea yang dikongsi dalam padlet tersebut akan dinampak dan diberikan balasan oleh Madam. Perkongsian ini amat menarik kerana saya dapat mengenali rakan-rakan melalui pernyataan yang ditulis oleh mereka. Terdapat juga rakan-rakan yang berkongsi pengalaman mereka sebelum memasuki universiti. Kedua-dua pelantar ini meningkatkan rasa penyertaan bagi semua pelajar dan saya berasa gembira kerana dapat berkongsi idea kepada orang lain.

Kesimpulannya, banyak ilmu pengetahuan dan nilai-nilai moral dapat saya pelajari selepas menghadiri pengajaran pensyarah selama 6 bulan ini. Saya amat bersyukur kerana mendapat peluang untuk berkenal dengan Madam Marlina walaupun tiada peluang untuk berjumpa dalam kampus pada semester 1. Subjek ini telah memberikan banyak informasi kepada saya tentang cara memantapkan kemahiran diri pada masa yang akan datang. Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Madam Malina yang telah membantu semua anak muridnya sepanjang 6 bulan ini dengan prihatin semasa menjawab soalan yang dikeluarkan oleh kawan-kawan saya. Sekian daripada saya, terima kasih.